

Atlet negara dedah kepentingan bersukan



PENGHUNI RNH diajar cara memegang raket yang betul dan cara membalaas serangan lawan.

Oleh Raziatul Hanum A Razak
bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Pelajar kursus Perencanaan Program Pendidikan Dewasa Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Sehari Bersama Penghuni Rumah Nur Hikmah (RNH), Kajang, baru-baru ini.

Pengarah program, Siti Rahmah Mustafa, berkata program itu bertujuan mendedahkan penghuni rumah perlindungan itu mengenai kepentingan bersukan.

Katanya, seramai 33 penghuni dari RHN berusia antara 7 hingga 19 tahun yang menyertai program itu diberi pendedahan mengenai sukan badminton, skuasy dan tenis mini.

Beliau berkata, mereka diberi tunjuk ajar asas peraturan permainan daripada dua

pemain badminton profesional, iaitu Cheah Leik Hou dan Stephanie Shalini Sukumaran serta pemain skuasy negara, Pushppa Devi Paramasewa.

"Kami mengingatkan mereka kepentingan sukan kepada kesihatan supaya mereka lebih aktif pada masa depan," katanya.

Siti Rahmah berkata, program itu mendapat tajaan Amer Sports Malaysia Sdn Bhd (Wilson), Kaspersky, Nature's Own dan Karangkraf Sdn Bhd.

Katanya, setiap peserta diberi raket sumbangan Wilson bagi memberi peluang kepada mereka merasai pengalaman bermain di gelanggang sebenar dengan memiliki raket sendiri.

Penghuni RHN, Mohd Sofian Nordin, 15 yang bertutur untuk menjadi pemain badminton profesional dan mewakili sekolahnya dalam



pertandingan itu.

"Saya sangat gembira kerana sekarang saya sudah ada raket badminton sendiri dan kini, saya juga sudah tahu cara memegang raket yang betul, cara memukul bulu tangkis dan syarat asas permainan," katanya.

Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Saujana Impian, Kajang, Muhammad Aliff Muhamad, 16, berkata walau pun letih dia sangat gembira kerana dapat mempelajari asas permainan sukan badminton,

skuasy dan tenis mini.

"Saya dan rakan sangat teruja ketika diberitahu akan menyertai aktiviti riadah yang membabitkan sukan badminton, skuasy dan tenis mini kerana kami belum pernah mencuba sebelum ini," katanya

RHN ialah pusat perlindungan untuk anak yang kehilangan ibu, bapa atau ibu bapa dan kini ada 49 anak-anak yang berusia antara 3 bulan hingga 19 tahun di pusat berkenaan.